

# Masalah kuliah di UMS dikurang tingkat kebolehgajian mahasiswa

**Jason Santos PE 13.10.2016 2**

KOTA KINABALU: Jumlah masa kuliah dikurangkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk membolehkan mahasiswa memperoleh ciri-ciri untuk meningkatkan kebolehgajian mereka.

Timbalan Naib Canselor UMS Profesor Dr Shahril Yusof berkata langkah itu adalah sebahagian daripada pelaksanaan transformasi Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi yang menawarkan fleksibiliti kepada penuntut untuk mendapat pembangunan holistik dalam pengajian mereka.

"Secara umumnya, pelan itu mahu universiti-universiti melakukan pengubahsuaian kepada kurikulum mereka untuk membolehkan penuntut mempunyai lebih banyak masa untuk menjalankan aktiviti yang akan membolehkan mereka memperoleh kemahiran komunikasi, kemahiran insaniah dan pendedahan industri," katanya.

Dr Sharil berkata demikian selepas membuka seminar sehari Repsol-UMS, "Pengenalan kepada Industri Minyak dan Gas bagi penuntut tahun pertama", di sini pada Rabu.

Beliau berkata penerimaan syor-syor

akan membolehkan universiti meningkatkan pembangunan mahasiswa lebih cepat daripada kaedah biasa yang "terlalu akademik" sebelum ini.

Beliau berkata pengenalan 2Uzi merupakan satu contoh yang membolehkan penuntut menjalani pengajian dua tahun di universiti dan dua tahun dalam industri atau program berdasarkan kerja.

"Ia terpulang kepada semua universiti untuk menyemak semula kurikulum mereka serta pelaksanaannya untuk mengubahsuai syor-syor Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi serta membolehkan penuntutnya mendapat lebih banyak pendedahan dari lapangan," katanya.

Sementara itu, Pengurus Warga dan Organisasi Repsol, Soh Mey Lee berkata inisiatif tersebut adalah sebab kenapa syarikat seperti Repsol memanfaatkan bakat muda di universiti.

Soh berkata syarikat-syarikat memerlukan sekurang-kurangnya 10 tahun untuk membolehkan pekerja mereka mempelajari selok-belok perniagaan mereka, justeru pendedahan awal tentu lebih baik.

"Dalam industri minyak dan gas con-

tohnya, banyak yang perlu dipelajari daripada industri hulu sehinggalah industri hilir.

"10 tahun pertama adalah ibarat masa belajar, walaupun ada orang berbakat yang memerlukan masa lebih singkat untuk menguasai kerja itu," katanya.

Soh berkata pakar-pakar diperlukan dalam industri untuk mengeluarkan kemahiran dan inovasi yang dapat menyelesaikan masalah berkaitan bidang minyak dan gas.

Beliau mengingati ketika bermula pada 1980-an, syarikatnya meramalkan telaga minyak Malaysia sedai ada hanya dapat mengeluarkan sehingga dua bilion tong minyak selama 40 tahun akan datang.

Tetapi kehadiran pakar-pakar namapnya menyelesaikan isu itu dengan penemuan rizab baharu.

Repsol, yang mengambil alih Talisman Energy pada tahun lepas memegang satu kontrak Petronas dan merupakan rakan usaha sama dengan Petronas Carigali.

Ia kini menggaji 800 pekerja di seluruh negara, kebanyakannya rakyat Malaysia, dan sekarang bekerjasama dengan UMS dalam bidang kejuruteraan.